

# Sentimen Perkauman dalam Kempen Pilihan Raya di Malaysia

## *Racial Sentiments in the Election Campaign in Malaysia*

**Muhammad Hamizan Azman<sup>1</sup>, Muhammad Amirul Naim Norazman<sup>1</sup>,  
Muhammad Danish Irfan Marzuki<sup>1</sup>, Ain Shahirah Razali<sup>1</sup>, Julita Hasyiqin Haironi<sup>1</sup>, Nur Irdina Asyiqin Muzamil<sup>1</sup> & Muhamad Helmy Sabtu<sup>1\*</sup>**

<sup>1</sup> *Pusat Pengajian Umum dan Kokurikulum,  
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia, Batu Pahat, Johor, 86400, MALAYSIA*

\*Pengarang Utama: [mhelmy@uthm.edu.my](mailto:mhelmy@uthm.edu.my)  
DOI: <https://doi.org/10.30880/hsp.2024.04.01.005>

---

### Maklumat Artikel

Diserah: 15 Mei 2023

Diterima: 29 Mac 2024

Diterbitkan: 30 Jun 2024

### Kata Kunci

Sentimen perkauman, 3R, politik, pilihanraya, kesepadan nasional, kempen pilihanraya

### Abstrak

Sentimen perkauman yang dijadikan sebagai alat permainan politik bukanlah suatu perkara baharu di Malaysia. Malah terdapat masyarakat di luar sana yang tidak memandang serius akan isu ini dan beranggapan laungan sentimen perkauman dan kebencian sebagai suatu yang bebas untuk diutarakan. Sentimen perkauman di Malaysia umumnya menjadi lebih hangat dan parah apabila tiba musim kempen pilihan raya. Isu ini dimainkan oleh parti politik tertentu demi untuk meraih undi dan sokongan secara mudah dari kaum tertentu supaya mengundi mereka. Isu ini sekiranya tidak diatasi dengan tuntas bakal menjelaskan hubungan harmoni setiap kaum yang telah dipertahankan sejak kemerdekaan. Lebih buruk lagi, ketidakseimbangan politik dan sosial juga bakal memberikan kesan domino terhadap ekonomi dan hubungan antarabangsa Malaysia dengan negara-negara lain. Justeru, kajian ringkas ini diutarakan bagi mengenal pasti faktor kebangkitan isu perkauman khususnya ketika kempen pilihan raya serta menghujahkan kesan dan akibat sekiranya isu ini tidak dikawal. Di akhir penulisan, kajian ini juga akan memberikan langkah terbaik yang boleh dilakukan untuk mengelakkan isu daripada terus berlaku. Kajian ini amat penting supaya masyarakat di luar sana lebih cakna akan isu yang boleh merosakkan keharmonian dan keunikan kepelbagaiannya kaum yang ada di Malaysia.

---

### Keywords

*Racial sentiments, 3R, politics, elections, national unity, election campaigns*

### Abstract

*Racial sentiment being used as a political game is not a new thing in Malaysia. In fact, there are people out there who do not take this issue seriously and think that shouting racist sentiments and hatred is something that is free to express. Racial sentiments in Malaysia generally become more heated and severe when the election campaign season arrives. This issue is played by certain political parties in order to easily get votes and support from certain races to vote for them. If this issue is not resolved completely, it will affect the harmonious relationship between each race that has been maintained since independence. Even*

*worse, the political and social imbalance will also have a domino effect on Malaysia's economy and international relations with other countries. Therefore, this brief study is presented to identify the factors that cause the rise of racial issues, especially during the election campaign, as well as argue the effects and consequences if this issue is not controlled. At the end of the writing, this study will also provide the best steps that can be taken to prevent the issue from continuing. This study is very important so that the community outside there is more aware of issues that can damage the harmony and uniqueness of the diversity of races in Malaysia.*

## 1. Pengenalan

Sebagai rakyat Malaysia kita perlulah sentiasa berpegang teguh dengan konsep dan istilah perpaduan kaum yang telah wujud sejak tahun 1971. Perkara ini telah termaktub di dalam Rukun Negara demi mencapai kesepaduan kaum yang aman dan harmoni. Tujuan Rukun Negara diwujudkan adalah bagi mengelakkan berlakunya krisis perpecahan kaum di Malaysia. Isu yang mampu menggugat perpaduan kaum ini adalah berkenaan dengan krisis politik di mana perkara ini boleh mendatangkan bencana ke atas perpaduan kaum yang melibatkan semua masyarakat di Malaysia. Ilyas Abdullah (2021) menerusi jurnal bertajuk Perpaduan dan Krisis Politik: Satu Analisis, telah menyatakan krisis politik boleh terjadi disebabkan ketidakmampuan ahli-ahli politik untuk bekerjasama dalam mencapai suatu matlamat sehingga akhirnya mengakibatkan perpecahan kaum. Perpecahan kaum yang terjadi ini bukan sahaja mendapat pengaruh serta persaingan untuk mengaut kekayaan ekonomi negara malah perpaduan politik yang lemah turut boleh menyumbang kepada keruntuhan dan perpecahan ke atas keseimbangan hubungan berbilang kaum.

Dalam kajian ini, permasalahan berkenaan dengan isu perpaduan atau sentimen perkauman yang terdapat di Malaysia semakin meningkat saban tahun dan terutamanya pada musim kempen Pilihan Raya Umum (PRU) di mana kebanyakan parti-parti utama di Malaysia ini akan menggunakan isu perpaduan kaum sebagai taktik yang mudah untuk menjatuhkan lawan mereka. Perkara ini turut dinyatakan oleh Tun Tan Siew Sin iaitu bekas presiden Malaysian Chinese Association (MCA), beliau menyatakan bahawa pada musim pilihan raya merupakan satu-satunya kaedah yang paling mudah untuk memancing undi, ianya dengan mengapi-apikan isu perkauman. Perkara ini juga boleh dilihat pada tragedi 13 Mei 1969 di mana isu perkauman pada ketika itu dikatakan berpunca daripada perasaan tidak puas hati antara satu sama lain kerana orang Melayu jauh ketinggalan dalam bidang ekonomi dan Pendidikan (Muslim, 2021). Hal berkenaan diburukkan lagi berikutan wujudnya beberapa parti politik yang mengangkat sentimen perkauman sehingga menguris perasaan kaum lain dan sehingga terjadinya peristiwa pembunuhan yang tragis.

Fokus kajian ini adalah bagi melihat serta mengkaji mengapa sesebuah parti politik mempengaruhi minda masyarakat untuk meraih undi serta memperoleh sokongan berdasarkan konteks sentimen perkauman sebagai salah satu bentuk strategi bagi permainan politik demi kepentingan mereka sendiri. Perkara berkenaan dengan isu perkauman sebagai salah satu taktik permainan politik telah banyak dibicarakan oleh ramai pihak sebagai salah satu bentuk peringatan agar peristiwa hitam iaitu peristiwa 13 Mei 1969 tidak lagi berulang di masa akan datang. Perkara ini dinyatakan oleh Nor Azlan Sham Rambely dan Mohamed Ali Haniffa (2018) menerusi jurnal bertajuk Dinamika Pembentukan Komuniti Dalam Sejarah Malaysia: Pelajaran Dari Peristiwa 13 Mei 1969. Menurut penulis, peristiwa 13 Mei 1969 telah mengingatkan kita agar sejarah adalah sesuatu yang bertujuan untuk dipelajari dan diteladani demi masa depan negara. Setiap masyarakat juga harus lebih bersatu dan bukannya mengambil pendekatan untuk mengungkit-ungkit sesuatu yang telah berlalu sehingga boleh menimbulkan perbalahan di antara kaum.

Dapatkan daripada kajian lepas banyak menyatakan bahawa politik yang berteraskan kaum di Malaysia sudah mula dilihat dengan jelas dan secara perlahan-lahan menunjukkan impaknya kepada seluruh masyarakat masa kini. Memang tidak dapat dinafikan bahawa politik yang berteraskan kaum di Malaysia telah menjadi isu yang agak sensitif dan kompleks sejak negara ini mencapai kemerdekaannya pada tahun 1957. Selain itu, dapatkan kajian lepas juga turut menyatakan bahawa politik berteraskan kaum yang melampaui batas boleh membawa yang negatif kepada negara kita. Politik yang terlalu menekankan perbezaan dan menonjolkan kepentingan kaum tertentu boleh mengancam perpaduan dan menyebabkan ketidakharmonian dalam masyarakat setempat. Akhir sekali, politik perkauman juga sekiranya tidak diatasi bakal menghambat pembangunan ekonomi dan sosial negara serta menghalang pelaburan asing serta kerjasama di peringkat antarabangsa (Sabri, 2023).

### 1.1 Pernyataan Masalah

Politik yang menggunakan isu sentimen perkauman yang berlaku pada ketika ini bukan lagi perkara yang asing terutamanya bagi rakyat Malaysia. Isu berkenaan dengan kemelut politik pilihan raya sering berlaku terutamanya ketika musim berkempen sewaktu PRU semakin hampir. Perkara ini turut disokong oleh Datuk

Seri Syed Ali Al-Habshee (2018) menerusi laman sesawang Astro Awani, beliau menegaskan menggunakan isu sentimen perkauman dan menabur fitnah untuk menagih undi amat dikhuatiri akan mencetuskan suasana yang tidak tenteram dalam masyarakat kini. Sebagai salah satu contoh parti politik utama yang terlibat dalam isu menggunakan sentimen perkauman ini adalah Parti Tindakan Demokratik atau Democratic Action Party (DAP), Pakatan Harapan (PH), Parti Islam Se-Malaysia (PAS), Perikatan Nasional (PN) dan akhir sekali parti yang paling di kenali ramai sebagai parti yang menggunakan agama dan perkauman bagi mendapatkan identiti dan sokongan politik iaitu Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu atau United Malays National Organisation (UMNO).

Seterusnya, penggunaan isu sentimen kaum sebagai salah satu bentuk permainan politik boleh mengakibatkan ketegangan sosial serta meningkatkan risiko berlakunya konflik antara kaum dan etnik di Malaysia ini mampu mengancam kestabilan politik dan keselamatan negara. Perkara ini turut dinyatakan oleh Siti Zulaika Muhammad Yusof dan Junaidi Awang Besar (2021) menerusi jurnal bertajuk Sentimen Politik Semasa Di Kawasan DUN Paya Jaras, Sungai Buloh, Selangor. Menurut penulis politik negara masih mengalami konflik dan pelbagai isu politik dalam. Penulis turut menyatakan sentimen politik cenderung berubah mengikut isu politik semasa dan juga politik baru yang berlaku kerana perubahan generasi, teknologi dan pemikiran yang lebih moden.

Di samping itu, sekiranya isu penggunaan sentimen perkauman ini tidak dibendung dari sekarang maka ramai lagi pihak yang akan terkesan ekoran daripada kemelut politik pilihan raya. Golongan yang terkesan biasanya adalah masyarakat atau rakyat Malaysia secara umumnya. Kemudiannya ekonomi di Malaysia juga bakal terjejas dengan isu ini seperti hilangnya pelabur-pelabur besar yang ingin melabur di Malaysia serta hubungan antarabangsa juga turut mengalami masalah yang sama. Masyarakat kini juga cakna dengan apa yang berlaku terhadap ekonomi negara. Zamirul Dzaki (2012) dalam penulisannya menunjukkan bahawa rakyat Malaysia pada hari ini telah menolak politik yang berteraskan kepada kaum sebaliknya memilih politik yang mengutamakan isu-isu sejagat seperti demokrasi, keadilan sosial, ekonomi dan sebagainya. Perkara ini juga selari dengan saranan Muhamad Helmy, Khairul, Nurul Aimi dan Muhaymin (2021) menerusi jurnal bertajuk Islamist Conservatism in Politics: Approach, Political Strategy and Performance of The Malaysian Islamic Party in The 14th General Election yang menyimpulkan bahawa politik identiti dan perkauman tidak mendapat sokongan secara menyeluruh di Malaysia, sebaliknya dicadangkan agar setiap parti berteraskan kaum mengadakan kerjasama dengan parti lain untuk mewujudkan pakatan rentas kaum.

Jika rata-rata masyarakat menolak politik disebabkan isu perkauman, perkara ini bakal memberi impak atau kesan yang besar ke atas politik di Malaysia terutamanya akan menjadikan kepercayaan rakyat ke atas parti-parti serta calon yang bertanding meskipun mereka tidak menggunakan isu ini bagi meraih perhatian umum. Ini disebabkan majoriti rakyat akan mula hilang kepercayaan untuk mengundi seterusnya akan berlakunya lebih banyak perbalahan serta perpecahan kaum. Menurut ahli Parlimen Belia Malaysia, Farid Aidy (2023) berkata, rakyat Malaysia secara umumnya tidak pernah mempunyai isu dalam hal perpaduan kaum, namun ia dijadikan bahan sebilangan ahli politik untuk mengapi-apikan permusuhan atas kepentingan peribadi dan parti masing-masing.

Akhir sekali, rakyat Malaysia perlulah cakna dengan isu berkenaan dengan sentimen kaum yang digunakan sebagai taktik kotor dalam politik pilihan raya terutamanya ketika tempoh berkempen. Isu ini kerap kali berlaku tidak kira semasa pilihan raya umum (PRU) maupun pilihan raya negeri (PRN). Perkara ini turut disokong dan di buktikan oleh Sharmin Kutty Sivarman, Awang Azman Awang Pawi dan Zulkarnain Abdul Rahman (2022) menerusi jurnal Satu Kajian Proses Memahami Politik Baharu di Malaysia. Penulis menyatakan pengundi dan rakyat Malaysia mula menolak politik yang berkaitan dengan perkauman dan bergerak ke arah politik baharu yang berlandaskan penglibatan rakyat secara besar-besaran dan kerjasama antara rakyat dalam mengatasi sesuatu masalah.

## 1.2 Objektif

Terdapat 3 objektif utama yang ingin dicapai dalam melengkapkan kajian artikel ini iaitu:

- 1.1.1 Mengenal pasti faktor yang mengakibatkan sesetengah parti politik menggunakan isu sentimen perkauman sebagai salah satu strategi untuk memancing pengundi di Malaysia.
- 1.1.2 Menjelaskan kesan dan implikasi yang bakal berlaku sekiranya penggunaan isu sentimen perkauman di dalam kempen politik sewaktu pilihan raya tidak dikawal daripada berleluasa di Malaysia.
- 1.1.3 Mencadangkan langkah-langkah bagi mengatasi isu sentimen perkauman dalam politik pilihan raya.

### 1.3 Signifikan Kajian

Kajian berkenaan dengan isu sentimen perkauman sebagai taktik permainan politik amatlah penting untuk dilakukan bagi memastikan isu ini tidak akan membawa kepada perpecahan kaum dan etnik di Malaysia. Kajian ini penting untuk memupuk kesedaran di kalangan masyarakat serta mahasiswa dan mahasiswi di universiti bagi memastikan bahawa mereka ini faham akan mengapa pentingnya kita sebagai rakyat Malaysia perlu menjaga sensitiviti kaum di Malaysia ini daripada berpecah belah. Sekiranya kajian ini tidak dijalankan, maka ramai masyarakat di luar sana yang akan mudah terpengaruh dengan agenda serta propaganda ahli politik dalam usaha untuk memanipulasi fikiran kita daripada memikirkan sensitiviti kaum yang ada di sekeliling. Jangkaan daripada dapatan kajian ini adalah masyarakat serta pelajar di universiti akan mendapat kesedaran bahawa bahayanya penggunaan sentimen perkauman sebagai satu taktik berpolitik ke atas rakyat Malaysia. Perkara ini perlulah dielakkan bagi menjaga kemakmuran negara serta memastikan perpaduan kaum yang telah dibentuk dapat dipelihara dan tidak berpecah belah, ini kerana perpaduan kaum telah diperkenalkan di Malaysia serta termaktub dalam rukun negara

## 2. Sorotan Literatur

### 2.1 Politik Perkauman dan Agenda Perpaduan

Perasaan dan sikap yang berkaitan dengan perbezaan etnik dalam masyarakat dikenali sebagai sentimen perkauman. Ia boleh membawa kepada ketegangan dan konflik antara kaum dan melibatkan pandangan negatif, stereotaip, dan diskriminasi terhadap kumpulan etnik atau bangsa tertentu. Politik perkauman selalunya digunakan untuk mendapatkan sokongan atau mencapai objektif politik. Walau bagaimanapun, mempunyai pemahaman budaya, pendidikan inklusif, dan prinsip keadilan sosial boleh membantu mengurangkan perasaan perkauman. Pembangunan masyarakat adalah penting untuk mengekalkan keharmonian dan keadilan di bawah pemimpin yang bertanggungjawab dan komited (Ismail et.al,2016)

Politik Malaysia merujuk kepada sistem pemerintahan negara yang melibatkan proses pembuatan keputusan oleh pemimpin politik dan pihak berkuasa. Negara ini mengamalkan sistem demokrasi berparlimen dan diimbangi dengan sistem raja berperlembagaan pada dua peringkat pentadbiran (Hussein et.al, 2017). Dalam konteks kerangka pemerintahan yang diwarisi daripada sejarah dan budaya negara, politik Malaysia menunjukkan dinamika hubungan antara pihak berkuasa, parti politik, dan rakyat.

Konsep bagi perpaduan di Malaysia merujuk kepada usaha untuk mengintegrasikan pelbagai elemen etnik, agama, dan budaya dalam masyarakat Malaysia demi mencapai keharmonian dan kesejahteraan bersama (Khairi, 2011). Ini melibatkan penyelarasan nilai-nilai kebangsaan, pengiktirafan terhadap kepelbagaiannya, serta pembangunan sumber daya manusia yang bersatu padu untuk membentuk sebuah negara yang stabil dan progresif. Perpaduan di Malaysia bukan hanya sekadar toleransi, tetapi juga usaha aktif dalam memahami, menghormati, dan memelihara identiti pelbagai kumpulan masyarakat dalam rangka mencapai satu Malaysia yang bersatu dan aman.

Isu yang sering dibangkitkan di Malaysia, sebagai satu negara yang mempunyai banyak etnik dan kaum adalah isu perkauman. Menurut Amirah Ruzanah Abdullah (2022), sentimen perkauman merujuk kepada sikap atau perasaan negatif yang berkaitan dengan perbezaan etnik atau kaum. Ia melibatkan persepsi atau pandangan yang didasarkan pada faktor keturunan, agama, atau budaya, dan boleh mencakup stereotaip, prasangka, atau diskriminasi terhadap individu atau kumpulan berdasarkan asal usul etnik mereka. Sentimen perkauman boleh membahayakan perpaduan sosial dan politik dalam sesuatu masyarakat, serta menjadi penghalang kepada pembangunan negara yang inklusif dan harmoni.

Secara keseluruhan, politik Malaysia mencerminkan hubungan yang kompleks antara pihak berkuasa, parti politik, dan rakyat dalam kerangka demokrasi beraja berparlimen. Konsep perpaduan di Malaysia menekankan usaha berterusan untuk mengintegrasikan elemen-etnik, agama, dan budaya demi mencapai keharmonian dan kesejahteraan bersama. Walaupun isu perkauman masih relevan, usaha aktif dalam memahami, menghormati, dan memelihara identiti pelbagai kumpulan masyarakat penting untuk membina Malaysia yang bersatu dan aman. Kejayaan negara ini bergantung pada pembangunan inklusif di bawah kepemimpinan yang bertanggungjawab dan komited (Mohamad et.al, 2012).

### 2.2 Sentimen Perkauman dalam Kalangan Rakyat Malaysia Semasa Pilihan Raya Umum

Artikel ini ditulis oleh Muhammad Syaher, Syamirul Muhammin, Aqil Ikhwan, Ahmad Izzudin dan Deeva Haren A/L Pannirselvam (2022). Artikel bertajuk 'Sentimen Perkauman dalam kalangan Rakyat Malaysia Semasa Pemilihan Raya Umum' dilaksanakan bertujuan untuk mengkaji permasalahan kaum disebabkan pengaruh parti politik, yang menggunakan sentimen bangsa dan agama ketika pilihan raya umum. Kajian ini dijalankan

ke atas 124 orang (71 lelaki dan 53 perempuan) di Universiti Tun Hussein Onn Malaysia Kampus Cawangan Pagoh. Kajian artikel jurnal ini menggunakan kaedah yang memerlukan pandangan mahasiswa dan mahasiswi di universiti untuk melengkapkan borang soal selidik 'Kajian: Sentimen Perkauman Dikalangan Rakyat Malaysia Semasa Pemilihan Raya Umum'. Skop kajian bagi artikel jurnal ini pula adalah berkaitan dengan pandangan mahasiswa dan mahasiswi di UTHM cawangan Pagoh terhadap isu sentimen perkauman.

Tujuan utama artikel jurnal ini dilaksanakan adalah bagi mendapatkan persepsi masyarakat Malaysia terutamanya bagi golongan mahasiswa dan mahasiswi di UTHM berkenaan dengan kebangkitan masalah sentimen perkauman yang telah wujud dalam kalangan rakyat Malaysia ketika musim pilihan raya umum. Seterusnya, tujuan penulisan artikel jurnal ini adalah untuk mengenal pasti punca permasalahan kaum yang terjadi di Malaysia. Kajian ini juga dijalankan bagi mengetahui punca masalah berkenaan dengan isu sentimen perkauman ini mula timbul yang boleh menyebabkan hubungan perpaduan kaum di negara ini semakin regang.

Hasil dapatan yang telah penulis peroleh adalah berbentuk deskriptif yang bertujuan untuk mendapatkan maklumat berkaitan dengan objektif utama kajian penulis. Soal selidik yang telah dibuat dan diedarkan kepada para mahasiswa dan mahasiswi secara atas talian melalui pengedaran secara *Google Form* dari awal semester sehingga pada minggu ke-11 sebelum berakhir pengajian setiap semester. Mengikut hasil dapatan kajian yang telah penulis peroleh. Hasil kajian menunjukkan majoriti 97.6% responden adalah pengundi yang mempunyai pengalaman mengundi kali pertama pada PRU-15. Seterusnya, persepsi mahasiswa dan mahasiswi terhadap sentimen perkauman adalah rata-rata di antara mereka bersetuju dengan soalan yang telah diberikan kepada mereka. Di akhir kajian ini penulis menerangkan bahawa majoriti budaya berfikir mahasiswa dan mahasiswi terhadap sentimen perkauman adalah positif dan boleh meningkatkan pengetahuan dalam menghadapi isu perkauman serta mengawal bagaimana isu tersebut mempengaruhi pandangan dan sikap mereka.

Akhir sekali, penulis menyimpulkan bahawa semua pihak harus berganding bahu untuk tidak mengharapkan pihak kerajaan semata-mata dalam mewujudkan perpaduan kaum di Malaysia. Penulis turut menyatakan pengajaran di mana jika ingin membentuk sebuah negara yang mempunyai integrasi kita perlulah bekerjasama supaya proses perpaduan di negara kita kesepaduan sosial dapat dikekalkan agar peristiwa hitam seperti 13 Mei 1969 tidak akan berlaku lagi.

### **2.3 Pola Sokongan Pengundi Muda Sebelum Pilihan Raya Umum ke 14 di Malaysia**

Nama penulis untuk artikel jurnal ini ialah Yazid Saleh dan Siti Noranizahhafizah Boyman et. al (2020). Tajuk utama untuk artikel jurnal ini ialah pola sokongan pengundi muda sebelum pilihan raya umum ke -14 di Malaysia. Penulis telah merujuk beberapa penemuan kajian dalam menganalisis pola pengundian dalam kalangan orang muda di Malaysia. Selain itu, kajian di dalam penulisan artikel ini telah menggunakan kaedah data primer yang telah diperolehi dari daripada kajian yang melibatkan analisis frekuensi, peratusan, min dan sisihan piawai untuk meneliti profil responden dan tahap. Selain itu, data-data kajian daripada penulisan artikel tersebut diperolehi dari buku, jurnal serta keratan akhbar. Analisis cross tab telah digunakan semasa di dalam kajian artikel jurnal ini untuk melihat hubungan diantara beberapa pemboleh ubah kajian.

Tujuan utama artikel jurnal ini dijalankan bertujuan untuk menganalisis pola pengundian di dalam kalangan orang-orang muda di Malaysia pada pilihan raya umum ke - 14 yang lalu untuk membincangkan siapa yang disokong, apa kriteria dan apa aspirasi yang dibawa oleh parti yang disokong. Menurut penulis, terdapat beberapa kajian lepas yang Berjaya membincangkan mengenai orang muda dalam kecenderungan memilih calon pilihan raya. Sebagai contoh, Orang muda mempunyai sisi pandangan yang berbeza mengenai segi politik di Malaysia seperti tidak tertarik dengan politik perkauman serta taktik politik lama yang menggunakan sifat "terhutang budi".

Seterusnya hasil dapatan kajian yang diperolehi di dalam artikel jurnal ini ialah merujuk kajian, aktivisme pelajar di Malaysia mengalami perkembangan serta kemerosotan, hal ini berlaku kerana pelajar universiti pada zaman kontemporari bersifat pasif dalam kegiatan aktivisme. Perkara tersebut diakibatkan sesetengah institusi akademik yang ada di Malaysia telah menyekat pelajar serta tenaga pengajar dalam melibatkan diri dalam melakukan kegiatan aktivisme. Selain itu, merujuk kajian Sivamurugan (2014), belia mahukan sebuah parti yang berbilang kaum serta inklusif untuk rakyat Malaysia. Pengundi muda juga mengambil berat mengenai isu-isu umum melibatkan parti politik di peringkat umum serta kebangsaan dan bukannya berkenaan dengan isu perkauman.

Akhir sekali, hasil daripada rujukan penulisan telah memberi beberapa maklumat yang penting berkaitan mengenai pola sokongan pengundi muda seperti semenjak PRU ke-12. Pengundi muda mula memainkan peranan yang penting di dalam konteks politik Malaysia pada era kemerosotan pengaruh barisan nasional di Malaysia. Seterusnya generasi kini telah berubah secara drastik dalam era globalisasi ini dan sedikit sebanyak menghakis isu perkauman di dalam sistem politik Malaysia namun masih tiada tanda yang menjaminkan isu perkauman akan lenyap terus dari lanskap politik.

## 2.4 UMNO dan Politik Identiti Pasca PRU-14 2018-2022

Artikel bertajuk 'Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu (UMNO) dan Politik Identiti Pasca Pilihan Raya Umum (PRU) ke-14 (2018-2022)' oleh Amirah Ruzanah Abdullah dan Muhammad Nadzri Mohamed Noor (2022). Kajian berfokuskan kepada isu politik perkauman sehingga mencetuskan provokasi dan menggugat keharmonian negara berbilang kaum. Penulis menggunakan kaedah kualitatif melibatkan pelbagai sumber sekunder untuk memperoleh maklumat berkaitan skop perbincangan. Ia didorong oleh faktor identiti politik; bersandarkan kepada nilai nasionalisme dan kewarganegaraan individu. Konsep thymos perlu difahami dan diaplikasikan dalam kehidupan seharian agar dihormati oleh orang lain.

Sentimen kebencian dalam kalangan ahli politik acapkali terjadi sewaktu pilihan raya. Dengan kelebihan dan kekuasaan yang dimiliki, mereka saling menaikkan isu-isu sensitif berbaur hasutan ke arah pemecahbelah perpaduan kaum demi mengekalkan kerelevannya. Golongan elit politik yang selalu mengeksploitasi sentimen perpecahan untuk memenangi kerajaan pusat dan mendapatkan kuasa. Isu perkauman mula dibahaskan dalam politik sejak pimpinan terawal parti lagi. Selain menyasarkan elemen tradisi, UMNO turut menjadikan Islam sebagai salah satu permainan politik; tiket bagi meraih undian majoriti daripada pengundi Melayu Islam. Menurut Abdullah dalam penulisan bukunya, Islam berperanan penting dalam proses penyatupaduan sesebuah etnik atau kaum. UMNO menggunakan Islam bagi menentang musuh-musuh politik. Parti Islam Se-Malaysia (PAS) yang mengambil alih peranan UMNO dalam mengawal dan melaksanakan politik Islam telah menimbulkan konflik antara kedua-dua parti.

Parti-parti politik akan saling bersaing untuk mendapatkan sokongan maksima daripada penyokong dengan penekanan terhadap aspek persamaan bahasa, agama, rasa atau pengenalan etnik tertentu. Politik perkauman menjurus kepada perlakuan ahli politik yang mengeksploitasi isu bangsa demi memajukan agenda. Pertumbuhan politik bercorak perkauman sememangnya bertentangan dengan hasrat negara untuk menyemai perpaduan dan persefahaman dalam kalangan rakyat. Parti dominan Malaysia iaitu UMNO telah menjadi sebuah parti Melayu yang berlandaskan kepada konsep perkauman. Parti ini memperlihatkan amalan penaung-dinaung dan meletakkan nilai hubungan neofeudal dalam kalangan rakyat Malaysia. Menurut Dr. Ilyas Abdullah dalam akhbar Berita Harian, rakyat sanggup menyokong pemimpin meskipun terjerat dengan pelbagai isu dan skandal, kerana rakyat tidak mampu menentukan hidupnya sendiri dan sangat bergantung kepada kumpulan elit yang memerintah; lebih berkuasa dan berpengaruh.

Kesimpulannya, sentimen menyokong kumpulan parti yang bersifat perkauman jelas boleh memecahbelahkan keharmonian sedia ada. Pemerintahan dan pentadbiran negara memerlukan pemimpin yang mampu menentukan dasar jangka panjang sekali gus membawa kepada kemakmuran negara. Justeru, masyarakat perlu bijak dalam memilih parti politik semasa pilihan raya dijalankan. UMNO perlu melaksanakan serampang dua mata dalam memenangi undian rakyat melalui amalan kepimpinan bersifat menang-menang tanpa dipengaruhi oleh sebarang perbezaan etnik (Khairul Azman Suhaimy, Nurul Aimi Razali, Lutfan Jaes, Muhamad Helmy Sabtu, Muhamad Fuad Othman, Muhammad Ainuddin Iskandar Lee Abdullah, & Mohd. Shukri Hanapi, 2021).

## 3. Perbincangan

### 3.1 Faktor Penggunaan Sentimen Perkauman Sebagai Alat Memancing Undi

Faktor sesetengah individu menggunakan isu sentimen perkauman untuk meraih undi di Malaysia adalah sebagai strategi politik berfokus pada identiti politik. Menurut Nadzri (2022), identiti politik merangkumi aspek fizikal dan bukan fizikal seperti jantina, gelaran, dan status keluarga. Identiti ini dipengaruhi oleh faktor sosiologi seperti kelas dan etnik, serta nilai politik seperti nasionalisme. Menurut Anthony Milner pula di dalam bukunya "Identity Monarchy" (2012), beliau menyatakan bahawa pemimpin-pemimpin UMNO menggunakan istilah "derhaka" untuk merujuk kepada rakyat yang dianggap tidak setia kepada bangsa Melayu. Ini dapat melibatkan penekanan terhadap sentimen kebangsaan atau penggunaan istilah yang memperkuat perasaan identiti etnik sebagai cara untuk mendapatkan sokongan politik.

Selain itu, faktor penting dalam usaha ahli politik untuk meraih undi melibatkan sentimen perkauman adalah bertujuan untuk menyatukan sokongan sambil memanfaatkan kepentingan etnik. Menurut Ishak Saat (2010), isu perkauman sering muncul disebabkan oleh tindakan ahli politik yang sengaja memanipulasi perbezaan di antara kumpulan etnik atau kaum demi kepentingan politik peribadi mereka. Menurut Ishak lagi, semasa UMNO di bawah Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj, usaha telah dilakukan untuk menubuhkan gabungan pertubuhan politik pelbagai kaum iaitu PERIKATAN pada tahun 1949. Tindakan ini mencerminkan keupayaan mereka untuk mengadaptasi konsep perkongsian kuasa sebagai strategi politik, dan sekali gus menonjolkan keazaman mereka untuk mendapatkan sokongan melalui langkah-langkah yang holistik.

Seterusnya, faktornya adalah untuk memajukan agenda parti politik. Menurut Sanusi Ahmad (1988), istilah perkauman merujuk kepada sokongan padu rakyat terhadap organisasi politik dan sosial yang berfokus pada

perbezaan etnik. Organisasi-organisasi ini bersaing untuk memperoleh sokongan sebanyak mungkin dari kumpulan etnik masing-masing dengan memanfaatkan faktor-faktor penting seperti kesamaan bahasa, agama, kebangsaan, dan pengiktirafan identiti etnik. Ini selaras dengan pandangan yang dinyatakan oleh Zamirul Dzaki (2012) yang mengatakan bahawa politik perkauman melibatkan tindakan memanfaatkan isu-isu berkaitan bangsa sebagai strategi untuk mencapai matlamat politik.

Akhir sekali, salah satu faktor sentimen perkauman digunakan untuk mendapatkan sokongan pengundi di Malaysia adalah sebagai strategi untuk mengalihkan perhatian rakyat dari isu-isu ekonomi atau sosial sebenar yang mungkin sukar diatasi. Mengikut Nadzri (2022), terdapat pendapat yang seiring dengan pandangan Dr. Ilyas Abdullah yang menyatakan dalam keterangannya kepada Berita Harian, bahawa walaupun pemimpin terlibat dalam skandal rasuah dan isu salah laku dengan kerugian besar terhadap negara, rakyat masih bersedia memberikan sokongan kepada mereka. Muhammad Nadzri & Ghazali Mayudin (2008) mengemukakan perbezaan perlakuan media terhadap isu pembunuhan Altantuya dan pertuduhan liwat terhadap Najib Razak dan Anwar Ibrahim pada tahun 2008. Media melaporkan isu Altantuya sebagai fitnah terhadap Najib Razak sebelum kes tersebut dibicarkan di mahkamah, sementara Anwar Ibrahim menerima respons negatif tanpa pembuktian sepenuhnya terhadap isu liwat. Perbezaan ini mungkin dimaksudkan untuk mengalihkan perhatian rakyat dari isu-isu ekonomi atau sosial sebenar dan mempengaruhi pandangan terhadap pemimpin politik.

### **3.2 Kesan Sentimen Perkauman Terhadap Pembangunan Sosial dan Ekonomi Negara**

Kajian ini adalah untuk menjelaskan kesan dan implikasi yang mungkin terjadi sekiranya isu penggunaan sentimen kaum dalam politik tidak dikawal atau dihalang daripada berleluasa di Malaysia. Kesan yang paling ketara adalah wujudnya ketidakfahaman dan konflik antara masyarakat tidak mengira agama, bangsa dan kaum. Menurut penulis artikel Politik Perkauman Dan Bahayanya, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Sanusi Ahmad (1988) menyatakan pertumbuhan politik perkauman ini jelas bertentangan dengan hasrat dan cita-cita kita untuk memupuk perpaduan dan persefahaman dikalangan rakyat. Hal ini boleh mengakibatkan perbalahan serta rusuhan akibat daripada pendapat yang diutarakan tidak dipersetujui oleh sesetengah pihak ketika musim pilihan raya berlangsung. Menurut penulis portal Malaysia Kini iaitu S. Arutchelvan (2020) menyatakan percaduhan sentimen perkauman telah berlaku apabila Senator Wan Ahmad Fayhsal mencadangkan pemansuhan sekolah vernakular di Malaysia kerana mendakwa sekolah ini gagal menghasilkan pelajar yang mampu memperlihatkan jati diri nasional yang kental. Kesannya, isu ini dianggap sebagai ancaman kepada hak pendidikan dan kebebasan budaya malah akan mencetuskan kemarahan dan konflik dalam kalangan masyarakat. Masalah perkauman di negara Malaysia adalah berpunca daripada pemimpin-pemimpin politik yang sentiasa membakar isu-isu sensitif untuk meraih sokongan kaum masing-masing.

Seterusnya, ketidakstabilan politik dan sosial yang disebabkan oleh sentimen perkauman dapat memberi kesan negatif kepada pembangunan ekonomi. Dengan kata lain, pembangunan ekonomi turut terkesan jika isu ini tidak diambil berat. Menurut pangarang Journal of Social and Humanities, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Junaidi Awang Besar (2020) menyatakan hal ini terjadi apabila peralihan kuasa politik. Kekurangan kesinambungan dalam dasar dan keupayaan pasaran untuk menyesuaikan diri dengan ketidaktentuan politik menjadi faktor kesukaran ekonomi yang dialami pada masa itu. Keputusan politik dan dasar ekonomi kerajaan memainkan peranan penting dalam menentukan pembangunan ekonomi di negara kita. Disebabkan hal tersebut menurut Wong Chun Wai menerusi portal berita Astro Awani (2021) menyatakan pelabur asing merasa kurang yakin untuk melabur dalam ekonomi Malaysia yang tidak stabil dan mempunyai masalah dalaman ini. Pelabur asing merupakan suatu yang penting untuk negara terus berkembang dan maju kerana disitulah pelabur akan membuka projek yang berjuta-juta maka peluang pekerjaan juga akan turut terbuka untuk anak-anak di Malaysia.

Akhir sekali, penggunaan sentimen perkauman dalam politik menyebabkan kehilangan kepercayaan masyarakat terhadap sistem politik di negara sendiri. Tindakan segelintir ahli politik yang tidak bertanggungjawab untuk memecah-belahkan kita dengan memainkan sentimen agama serta perkauman. Menurut Pengarang Jurnal Wacana Sarjana, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Amirah Ruzanah (2022) menyatakan sentimen-sentimen ini dapat dilihat dengan jelas sewaktu menjelang pilihan raya apabila ramai ahli-ahli politik menaikkan isu sensitif dan unsur perkauman bagi membolehkannya kekal relevan malah menurut Artikel Pembinaan Negara Bangsa Malaysia, Mohamad Rodzi (2009) turut menyatakan tindakan sebahagian pemimpin-pemimpin politik yang memainkan sentimen perkauman juga adalah untuk meraih populariti dan simpati. Penggunaan taktik ini boleh menimbulkan prasangka buruk dan hilang kepercayaan rakyat terhadap pemimpin politik dan sistem politik secara keseluruhan. Penurunan penyertaan awam boleh berlaku dalam bentuk penurunan pengundian, tidak berminat dalam isu politik atau ketidakpercayaan terhadap keberkesanan sistem politik untuk mencapai perubahan positif. Oleh itu, pemimpin politik hendaklah bertanggungjawab dalam mengelakkan penggunaan sentimen perkauman untuk kepentingan politik peribadi atau parti.

### 3.3 Usaha Bagi Mengatasi Isu Sentimen Perkauman Dalam Politik Pilihan Raya

Langkah yang pertama dalam mengatasi isu perkauman dalam politik pilihan raya ialah menguatkuasakan pengawalan dan garis panduan. Pengawalan dan penguatkuasaan garis panduan hendaklah memastikan terdapat garis panduan yang jelas dan penguatkuasaan yang ketat bagi mengehadkan atau menghalang penggunaan isu perkauman dalam kampen politik. Menurut penulisan artikel portal berita harian oleh Basmin Maarof (2023) Pengarah dan Pengasas Institut Kajian Etnik (KITA), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Prof Datuk Dr Shamsul Amri Baharuddin menyatakan perbezaan yang timbul bukan semata-mata kerana rakyat berbilang bangsa, namun merangkumi perbezaan sebagai manusia. Dari sudut Islam pula, Mufti Pulau Pinang, Datuk Seri Dr Wan Salim Wan Mohd Noor. Menerusi penulisan artikel oleh Ridauddin Daud (2020) berkata, Islam amat benci kepada orang yang menyeru untuk taksub kepada puak dan bangsa sendiri.

Selain itu, undang-undang yang ketat perlulah dikuatkuasakan bagi melarang penggunaan sentimen perkauman dalam kampen pilihan raya. Undang-undang yang dimaksudkan adalah 3R (Agama, Kaum, Institusi Raja). Menurut Felo Akademi Sains Malaysia Kursi Pertubuhan Pendidikan, Saintifik dan Kebudayaan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNESCO) Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Profesor Datuk Shamsul Amri Baharuddin (2023) berkata, sentimen 3R dalam politik atau disebut 'politik identiti' wujud apabila kebanyakan parti politik mendakwa mereka mewakili suara dan perjuangkan setiap daripada kumpulan etnik yang ada. Oleh itu, ada sesetengah pihak menjadikan 3R sebagai permainan mengaburi perkara asas dan menjurus kepada satu kategori etnik Sahaja, sedangkan ia wujud dalam setiap Kumpulan kaum dan bukan hanya Melayu. Ini turut disokong oleh Shamsul Amri (2023) berkata, isu 3R kini semakin sukar untuk dijelaskan ekoran setiap kaum digambarkan dengan pelbagai ciri-ciri tertentu yang melibatkan beberapa bidang antaranya agama dan ekonomi.

Langkah kedua dalam mengatasi isu perkauman dalam politik pilihan raya ialah pengawalan dan kesedaran media. Tanggungjawab media adalah bertanggungjawab dalam menyampaikan berita dan maklumat tanpa menguris sentimen perkauman. Menurut Ketua Polis Negara, Tan Sri Acryl Sani Abdullah Sani (2022) berkata, pihaknya mengesan tindakan pengguna media sosial yang memuat naik kandungan menyentuh sentimen perkauman, keagamaan dan menghina institusi diraja. Terutamanya generasi muda harus di didik untuk membuat pilihan dengan baik dan bukan hanya berlandaskan populariti atau pengaruh di media sosial semata-mata. Menurut Felo Penyelidik ILHAM Centre dan Pensyarah Kanan Sains Politik, Universiti Teknologi MARA, Mujib Abdul Muis (2023) berkata, didikan itu harus dilakukan dengan strategi yang betul, mengambil kira peralihan zaman.

Selain itu, Pendedahan terhadap isu-isu perpecahan kaum dapat meningkatkan kesedaran masyarakat tentang akibat negatif sentimen perkauman dalam politik. Menurut pemerhati politik yang juga personaliti media sosial Tai Zee How (2022), umumnya golongan ini banyak bergantung pada media sosial bagi mendapatkan maklumat. Dari sudut lain, kebergantungan pada media sosial sebagai medium penyalur berita turut mencerminkan kematangan masyarakat kerana mereka tidak mempercayai bulat-bulat maklumat yang di sebarkan, Kematangan seseorang boleh diukur berdasarkan pandangan serta maklumat yang dikongsikan dan ia boleh dijadikan sebagai panduan dalam menilai parti semasa mengundi.

## 4. Kesimpulan

Kesimpulan yang boleh dibuat adalah isu sentimen perkauman akan tetap menjadi salah satu cabaran utama di dalam konteks perpaduan politik serta sosial di dalam Malaysia. Selain itu, parti politik sering memainkan isu etnik atau perkauman untuk meraih undi serta menggunakan sebagai pendekatan strategi politik. Selain itu, isu sentimen perkauman perlu dibanteras dan di ambil tindakkan bagi mengelakkan ketegangan serta kesalahfahaman yang boleh menggugat ketenteraman awam, agama, sosial dan ekonomi negara seperti peristiwa gelap di dalam negara kita iaitu berlakunya peristiwa 13 Mei 1969.

Bagi memastikan Malaysia kekal sebagai sebuah negara yang aman dan harmoni, kita perlu bekerjasama dan bersatu padu dalam pelbagai aspek seperti mengelak perselisihan faham di antara kaum serta memastikan hak kesemua kaum di Malaysia adalah sama rata dan tidak berat sebelah. Pengukuhan ekonomi dan kestabilan politik juga memainkan peranan yang penting kerana ia memberi peluang kepada semua lapisan masyarakat untuk mengukuhkan ekonomi yang inklusif serta mengurangkan konflik politik seperti yang berlaku pada era kini terutamanya pada tempoh berkempen sewaktu Pilihan Raya Umum (PRU).

Seterusnya, isu politik di Malaysia ini perlulah sentiasa di kaji bagi memastikan kestabilan politik di negara kita ini dapat dijadikan contoh kepada negara-negara yang lain dengan cara memupuk kesedaran ke atas masyarakat serta ahli-ahli politik yang bertanding. Ini adalah bagi usaha mengurangkan sedikit isu penggunaan sentimen kaum bagi meraih perhatian serta undian ketika musim Pilihan Raya Umum. Perkara ini perlulah ditekankan bagi pihak-pihak politik serta masyarakat secara umumnya agar mereka lebih peka terhadap potensi isu-isu perkauman yang mungkin muncul sewaktu tempoh berkenaan.

Akhir sekali, kita sebagai rakyat Malaysia perlu bersatu hati dan saling hormat-menghormati antara satu sama lain, untuk menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara yang maju serta harmoni di dalam segala lapisan

masyarakat pada masa yang akan datang. Walaupun terdapat usaha yang diberikan oleh orang ramai untuk mengelakkan isu tersebut terjadi, kita hendaklah bekerjasama dan menanam nilai-nilai perpaduan untuk mengekalkan keamanan dan kestabilan politik di dalam negara.

## Penghargaan

Penulis mengucapkan terima kasih kepada Pusat Pengajian Umum dan Kokurikulum, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia atas sokongan yang diberi sehingga kajian ini berjaya untuk diterbitkan.

## Konflik Kepentingan

Penulis mengumumkan bahawa tidak ada konflik kepentingan yang berkaitan dengan penerbitan makalah ini.

## Rujukan

Abdullah & Mohamed Noor (2022) UMNO dan Politik Identiti Pasca PRU-14, 2018-2022. *Jurnal Wacana Sarjana*, 6(4), 1-14

Amirah Ruzanah Abdullah & Muhamad Nadzri Mohamed Noor (2022) UMNO dan Politik Identiti Pasca PRU-146 (1-14)

Anthony Milner (2012). Identity Monarchy: Interrogating Heritage for a DividedMalaysia. *Southeast Asian Studies*. 1(2): 3-212.

Basmin Maarof (2023) Henti memanipulasi isu kaum agama kejar kepentingan politik. *Berita Harian* <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2023/06/1108735/henti-manipulasi-isu-kaum-agama-kejar-kepentingan-politik>

Farid Aidy (2023) 'Isu perkauman hanya modal ahli politik,, rakyat tiada masalah'. *Sinar Harian* <https://www.sinarharian.com.my/article/276670/berita/politik/isu-perkauman-hanya-modal-ahli-politik-rakyat-tiada-masalah---farid>

Hussein & Brahim (2017). Politik Pentadbiran di Malaysia: Penilaian Pegawai Awam Terhadap Dasar Politikdan Kepimpinan Nasional. *Jurnal Kemanusiaan*, 4(2)

Ilyas Abdulah (2021) Perpaduan dan Krisis Politik Melayu: Satu Analisis. *Journal of Administrative Science*.18(1), 2021,pp.323-333

Ishak Saat. (2010) Jebat: Malaysian Journal of History, Politics, & Strategic Studies, 37 (2010): 68 - 85 @ Schoolof History, Politics & Strategic Studies, UKM; ISSN 2180-0251 (electronic), 0126-5644 (paper)

Ismail, H., Hassan, K., & Zakaria, M. N. (2016). Kesederhanaan Ke Arah Perpaduan Kaum di Malaysia. *Journal of Techno-Social*, 8(2).

Junaidi Awang Besar (2020) Politik Belia Dan Pilihan Raya Umum Ke-14 Di Malaysia. 17 (49-65)

Khairi (2011). "Konsep 1Malaysia dan Cabaran Pelaksanaannya ke Arah Pemantapan Perpaduan sebuah Negara-Bangsa" in SOSIOHUMANIKA: Jurnal Pendidikan Sains Sosial dan Kemanusiaan, 4, No.1 [Mei],pp.129-140. Bandung, Indonesia: Minda Masagi Press owned by ASPENSI, ISSN 1979-0112.

Khairul Azman Suhaimy, Nurul Aimi Razali, Lutfan Jaes, Muhammad Helmy Sabtu, Muhamad Fuad Othman, Muhammad Ainuddin Iskandar Lee Abdullah, & Mohd. Shukri Hanapi. (2021). The Achievement-Oriented Leadership Model In The Development Of The Malaysian Nation-State. *JATI-Journal of Southeast Asian Studies*, 26(1), 1-20.

Mohamad Rodzi Abd Razak (2009) Peranan Pendidikan Sejarah Dan Dasar Pendidikan Kebangsaan Jebat 36,(90-106)

Mohamad, S. & Abdullah, A.N. and Mohamed Adnan, M.A. (2012) Rahsia kepimpinan Islam dan kejayaan negara menurut huraian Al-Quran. In: The 2nd Annual International Qur'anic Conference 2012, 22-23 Feb 2012, University of Malaya.

Muhamad Helmy Sabtu, Khairul Azman Mohamad Suhaimy, Nurul Aimi Razali & Muhaymin Hakim Abdullah. (2021). Islamist Conservatism in Politics: Approach, Political Strategy and Performance of The Malaysian Islamic Party in The 14th General Election. *JATI-Journal of Southeast Asian Studies*, 26(2), 1-34.

Muhamad Nadzri & Ghazali Mayudin (2008) Hegemoni dan Kontra Hegemoni: Memahami Perubahan Pilihan Raya Umum ke-12. *Jebat: Malaysian Journal of History, Politics & Strategies Studies*. 33-48

Muhammad Syaher, Syamirul Muhaimin, Aqil Ikhwan, Ahmad Izzudin, Deeva Haren A/L Pannirselvam (2022). Sentimen Perkauman Dalam Kalangan Rakyat Malaysia Semasa Pemilihan Raya Umum. *HumanSustainability Procedia*, 3(1), 71-84

Mujib Abdul Muis (2023) PRN: Anak muda harus di didik pilih calon bukan sebab populariti' - Penganalisis politik. Astro Awani <https://www.astroawani.com/berita-politik/prn-anak-muda-harus-dididik-pilih-calon-bukan-sebab-populariti-penganalisis-politik-432429>

Muslim (2021). Rukun Negara asas perpaduan, pembinaan negara bangsa. Berita Harian <https://www.bharian.com.my/rencana/lain-lain/2021/01/774092/rukun-negara-asas-perpaduan- pembinaan-negara-bangsa>

Nadzri Noor (2022) UMNO dan Politik Identiti Pasca PRU-14, 2018-2022. *Jurnal Wacana Sarjana* 4,2022: 1-14

Nor Azlah Sham Rambely & Mohamed Ali Haniffa (2018) Dinamika Pembentukan Komuniti Dalam Sejarah Malaysia: Pelajaran Dari Peristiwa 13 Mei 1969. *Persidangan Antarabangsa Sains Sosial dan Kemanusiaan (PASAK)*.

Nur Ellyanis Mohd Basori & Junaidi Awang Besar (2020) Politik Belia dan Pilihan Raya Umum Ke-14 diMalaysia. Artikel Jurnal Universiti Kebangsaan Malaysia Vol 17 (49-65)

Ridauddin Daud (2020) Cara menangani isu perkauman. Sinar Harian <https://www.sinarharian.com.my/article/65449/cara-menangani-isu-perkauman>

S Arutchelvan (2020) Parti Perkauman Lebih Bahaya Dari Sekolah Vernakular. *Malaysia Kini* <https://www.malaysiakini.com/news/540715>

Sabri (2023) Politik berteraskan kaum di Malaysia: 'Antara relevansi masa kini dan impaknya terhadap negara'. Astro Awani <https://www.astroawani.com/berita-politik/politik-berteraskan-kaum-di-malaysia-antara-relevansi-masa-kini-dan-impaknya-terhadap-negara-420619>

Sanusi Ahmad (1988). Seketeriait Simposium Perpaduan Negara: Politik Perkauman dan Bahayanya. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia

Shamsul Amri (2023) Polemik 3R wujud dalam setiap kaum, bukan hanya Melayu. Astro Awani <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/polemik-3r-wujud-dalam-setiap-kaum-bukan-hanya- melayu-439191>

Sharmin Kutty Sivarman, Awang Azman Awang Pawi & Zulkainain Abdul Rahman (2022) Satu Kajian Proses Memahami Politik Baharu di Malaysia. 7(12), 2022

Siti Zulaika Muhammad Yusof & Junaidi Awang Besar (2021) Sentimen Politik Semasa Di Kawasan DUN Paya Jaras, Sungai Buloh, Selangor. *Jurnal Wacana Sarjana* 5(2),2021:1-15.

Syed Ali Alhabshee (2018) Jangan Semarak Sentimen Perkauman Semasa Kempen PRU-14. Astro Awani <https://www.astroawani.com/berita-politik/jangan-semarak-sentimen-perkauman-semasa-kempen-pru14-syed-ali-172647>

Tai Zee How (2022) PRU-15: Media sosial uji kematangan pengundi muda. *Harian Metro* <https://www.hmetro.com.my/itmetro/2022/10/894757/pru-15-media-sosial-uji-kematangan- pengundi-muda>

Tan Sri Acryl Sani Abdullah Sani (2022) Jangan sebar kandungan bersifat provokasi di media sosial: KPN. Sinar Harian <https://www.sinarharian.com.my/article/232708/berita/semasa/jangan-sebar-kandungan- bersifat-provokasi-di-media-sosial-kpn>

Universitas Indonesia, Indonesia, A. M. (2021) Isu Ketuhanan Melayu di Malaysia: The Issue of Political Supremacy of The Malay in Malaysia. Jurnal Pengajian Melayu (JOMAS). 32(2), 1-16

Welsh, B (2020) Malaysia's Political Polarization: Race, Religion and Reform.

Wong Chun Wai (2021) Tiada Pelaburan Ingin Masuk Ke Negara Yang Asyik Tukar PM. Astro Awani <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/tiada-pelabur-ingin-masuk-ke-negara-yang-asyik-tukar- pm-wong-chun-wai-280605>

Yazid Saleh, Siti Noranizahhafizah Boyman et.al (2020) Pola Sokongan Pengundi Muda Sebelum Pilihan Raya Umum ke 14 di Malaysia. Jabatan Geografi & Alam Sekitar, Fakulti Sains Kemanusiaan, Universiti Pendidikan Sultan Idris. 16(1) 80-94

Zamirul Dzaki (2012) Politik Rentas Kaum di Malaysia: Bersediakah Kita?. KDU Penang University College, Malaysia. (PP. 84-90)

Zulkifli (2022) Umno terus guba isu perkauman untuk menang. Sinar Harian. <https://www.sinarharian.com.my/article/227374/berita/politik/umno-terus-guna-isu-perkauman- untuk-menang>